



جباةن كحاكماء من شرعنا نكراي قولوا قين

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG
No. 3, Jalan Batu Gantung,
10450 Pulau Pinang.



Tel : 04-8307777
Faks : 04-8307899
Portal Rasmi : <http://jksnpp.penang.gov.my>

Rujukan Kami : JKSP.600-1/3/3 (66)
Tarikh : 02 Februari 2024

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar
Pengarah/ Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang
Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Pulau Pinang

Yang Arif/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 1 TAHUN 2024
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN DAN PELAKSANAAN PENDAFTARAN KES
MELALUI MODUL E-FILING (E-SYARIAH VERSI 3)
DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Tuan-Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar, Pengarah/ Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang dan Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Pulau Pinang terhadap keputusan Mesyuarat Penyelarasan *Key Performance Indicator* (KPI) Bil. 1 Tahun 2024 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang pada 12 Januari 2024 telah bersetuju dan mengesahkan untuk mengguna pakai Garis Panduan Penggunaan dan Pelaksanaan Pendaftaran Kes Melalui Modul *e-Filing* (e-Syariah Versi 3) bagi Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Bantuan Guaman Negeri Pulau Pinang di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang seperti di Lampiran A.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 05 Februari 2024.

(ASRUL NIZAM BIN YAHYA)
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang

SYARIAH ASAS Keadilan



**GARIS PANDUAN
PENGUNAAN DAN PELAKSANAAN PENDAFTARAN
KES MELALUI MODUL E-FILING (E-SYARIAH VERSI 3)**

KES MAL

1. Proses Kerja dan Manual Pengguna Pendaftaran Kes Mal melalui modul e-Filing (e-Syariah Versi 3) adalah seperti di **Lampiran 1**.
2. Pernyataan Tuntutan / Wakalah / Afidavit hendaklah disempurnakan dan ditandatangani sebelum membuat pendaftaran dan memuat naik dokumen kes mal melalui modul *e-Filing* (e-Syariah Versi 3) seperti di **Jadual 1: Dokumen Sokongan**.

Surat Iringan	Satu salinan
Saman, Pernyataan Tuntutan dan Lampiran	Imbas salinan secara kolektif
Wakalah, Borang 4 dan Borang 8	Imbas salinan secara kolektif
Permohonan, Afidavit dan Ekshibit	Imbas salinan secara kolektif

Jadual 1: Dokumen Sokongan

3. Dokumen kes mal yang telah dimeterai oleh Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dicetak dan ditulis nombor kes. Kesemua dokumen tersebut hendaklah dihantar ke Mahkamah **dalam tempoh 5 hari bekerja selepas kes diterima oleh Pendaftar Mahkamah** sebanyak 4 salinan bersama surat iringan.
4. Saiz maksimum muat naik dokumen kes mal adalah sebanyak 20MB.
5. Penerimaan kes mal oleh mahkamah di modul *e-Filing* **hanya akan diproses** setelah dokumen fizikal diserahkan **dalam tempoh masa 5 hari bekerja selepas kes diserahkan** oleh pihak Jabatan Bantuan Guaman Negeri Pulau Pinang.
6. Pendaftaran kes akan ditolak sekiranya pihak Jabatan Bantuan Guaman Negeri Pulau Pinang gagal mematuhi para 5.
7. Jabatan Bantuan Guaman Negeri Pulau Pinang boleh membuat semakan tarikh sebutan kes mal di Modul *eReview* **selepas** dokumen fizikal diserahkan di **kaunter Mahkamah Syariah**.

KES JENAYAH


1. Proses Kerja dan Manual Pengguna Pendaftaran Kes Jenayah melalui modul e-Filing (e-Syariah Versi 3) adalah seperti di **Lampiran 3**.
2. Notis Permohonan, kertas pertuduhan dan surat kebenaran mendakwa bagi kes kesalahan matrimonial di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 Dokumen hendaklah disempurnakan dan ditandatangani sebelum membuat pendaftaran dan memuat naik dokumen kes jenayah melalui modul *e-Filing* (e-Syariah Versi 3) seperti di **Jadual 2: Dokumen Sokongan**.

Notis Permohonan, kertas pertuduhan dan lampiran	Imbas salinan secara kolektif
Surat kebenaran mendakwa (jika berkaitan)	Satu Salinan


Jadual 2: Dokumen Sokongan

3. Dokumen kes jenayah yang telah dimeterai oleh Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dicetak dan ditulis nombor kes. Kesemua dokumen tersebut hendaklah dihantar ke mahkamah **dalam tempoh 5 hari bekerja selepas kes diterima** sebanyak 1 salinan bersama surat iringan kecuali notis permohonan hendaklah dihantar sebanyak **2 salinan**.
4. Saiz maksimum muat naik dokumen kes jenayah adalah sebanyak 20MB.
5. Penerimaan kes jenayah oleh Mahkamah di modul *eFiling* **hanya akan diproses** setelah dokumen fizikal diserahkan **dalam tempoh masa 5 hari bekerja selepas kes diserahkan** oleh pihak Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang.
6. Pendaftaran kes akan ditolak sekiranya pihak Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang gagal mematuhi para 5.
7. Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang boleh membuat semakan tarikh sebutan kes jenayah di Modul *eReview* **selepas** dokumen fizikal diserahkan **di kaunter Mahkamah Syariah**.


CARTA ALIR
PENDAFTARAN KES MAL (MODUL E-FILING)
(JABATAN BANTUAN GUAMAN NEGERI PULAU PINANG)



CARTA ALIR
PENERIMAAN KES MAL (MODUL E-FILING)
(MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG)



CARTA ALIR
PENDAFTARAN KES JENAYAH (MODUL E-FILING)
(JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG)



CARTA ALIR
PENERIMAAN KES JENAYAH (MODUL E-FILING)
(MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG)

